

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN (KOTA KINABALU)

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menggunakan dokumen IMM13 sebagai satu-satunya dokumen untuk penyelerasan dokumen-dokumen pendatang asing tanpa izin di Sabah dan membatalkan semua dokumen yang lain. Apakah perbezaannya dengan Pas Sementara Sabah (PSS) yang dicadangkan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pas Sementara Sabah (PSS) merupakan suatu jenis pas baharu yang memerlukan pindaan terhadap perundangan sedia ada. Manakala, IMM13 adalah merupakan satu pas lawatan imigresen sedia ada yang diberikan kepada orang asing berdasarkan takrifan Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Cadangan baharu agar IMM13 digunakan untuk menggantikan Kad Burung-Burung dan Sijil Banci yang dipegang oleh pendatang dan orang asing di Sabah sedang diperhalusi secara strategik dan akan diteliti oleh JKPWAS bagi memastikan usaha untuk mendokumentasikan golongan berkenaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.